KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

# BUKU PANDUAN

# KELAB RUKUN NEGARA













KELAB RUKUN NEGARA

## SEKOLAH MENENGAH

**Cetakan Pertama 2022**
© Kementerian Perpaduan Negara

**Hak Cipta Terpelihara.**
Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.

**Diterbitkan oleh :**
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

KELAB RUKUN NEGARA

# BUKU PANDUAN
# KELAB RUKUN NEGARA
## SEKOLAH MENENGAH

# KANDUNGAN


PRAKATA 4-6

LAGU NEGARAKU 8

LAGU LIMA PRINSIP RUKUN NEGARA 9

RINGKASAN EKSEKUTIF BUKU PANDUAN KELAB RUKUN NEGARA 11-13

PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA 15-19

- Sejarah Pengisytiharan Rukun Negara
- Prinsip Rukun Negara

RUKUN NEGARA DI SEKOLAH 21-23

- Matlamat Pelaksanaan Program KRN
- Penerapan Prinsip Rukun Negara Melalui Program Kelab Rukun Negara

KELAB RUKUN NEGARA 25-31

- Sejarah Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Apa Itu Kelab Rukun Negara?
- Visi dan Misi Kelab Rukun Negara
- Objektif Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Kelab Rukun Rukun Negara Mengikut Jenis Sekolah
- Logo Rasmi Kelab Rukun Negara

PENGURUSAN & PENTADBIRAN KELAB RUKUN NEGARA 33-41

- Peranan dan Tanggungjawab
- Prosedur Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Penubuhan Jawatankuasa Kelab Rukun Negara
- Terma Rujukan Jawatankuasa Kelab Rukun Negara
- Pengurusan Mesyuarat Kelab Rukun Negara di Peingkat Sekolah
- Pengurusan Kewangan Kelab Rukun Negara

## PERATURAN KELAB RUKUN NEGARA 43-51

- Peraturan 1 : Nama dan Alamat Kelab
- Peraturan 2 : Matlamat
- Peraturan 3 : Objektif
- Peraturan 4 : Keahlian
- Peraturan 5 : Guru Penasihat
- Peraturan 6 : Ahli Jawatankuasa
- Peraturan 7 : Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa
- Peraturan 8 : Kewangan
- Peraturan 9 : Kehadiran/Penyertaan
- Peraturan 10 : Program
- Peraturan 11 : Mesyuarat Agung
- Peraturan 12 : Peraturan-Peraturan
- Peraturan 13 : Tindakan Disiplin
- Peraturan 14 : Pindaan Peraturan
- Peraturan 15 : Pembubaran Kelab
- Peraturan 16 : Hal-Hal Lain
- Peraturan 17 : Logo

## PROGRAM KELAB RUKUN NEGARA 53-89

- Senarai Dimensi-Dimensi Program Kelab Rukun Negara
  - Dimensi Minda Cerdas
  - Dimensi Kepimpinan
  - Dimensi Komuniti
  - Dimensi Inter Etnik
- Panduan Pelaksanaan Program KRN

## LAMPIRAN 91-110

- Lampiran KRN-01 : Borang Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-02 : Contoh Format Sijil Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-03 : Borang Keahlian Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-04 : Senarai Ahli Jawatankuasa Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-05 : Senarai Keahlian Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-06 : Contoh Format Minit Mesyuarat Agung Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-07 : Contoh Format Minit Mesyuarat Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-08 : Contoh Format Perancangan Program Tahunan Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-09 : Contoh Format Laporan Pelaksanaan Program Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-10 : Contoh Format Buku Tunai Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-11 : Contoh Penyata Kewangan Bulanan Kelab Rukun Negara
- Lampiran KRN-12 : Contoh Format Penyata Kewangan Tahunan Kelab Rukun Negara

## GLOSARI 113

# PERUTUSAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

## YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE

Perpaduan melalui pendidikan merupakan kombinasi terbaik sebagai landasan membentuk generasi masa hadapan negara yang mempunyai jati diri kukuh sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan semangat patriotisme kepada negara. Justeru, penyediaan Buku Panduan Kelab Rukun Negara adalah merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memastikan pelaksanaan program yang berkesan dan berimpak tinggi secara inklusif berasaskan Rukun Negara dalam membentuk kemenjadian murid yang cintakan negara bermula di bangku sekolah lagi. Hasrat dan matlamat dalam modul yang dilaksanakan ini adalah selari dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blue-Print) Perpaduan Negara 2021 - 2030 untuk memastikan kelestarian keharmonian negara dan pembinaan "Keluarga Malaysia" yang kita cintai.



# KATA ALU-ALUAN
# KETUA SETIAUSAHA
# KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM

Pelaksanaan program Kelab Rukun Negara (KRN) melalui aktiviti kokurikulum di sekolah akan membentuk generasi masa depan yang mempunyai jiwa patriotik yang tinggi kepada negara. Pengukuhan pelaksanaan program Kelab Rukun Negara secara menyeluruh membentuk murid yang lebih berdaya saing, faham dan jelas akan penghayatan Rukun Negara untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Penghayatan Rukun Negara yang diterjemahkan melalui pelaksanaan program Kelab Rukun Negara mengukuhkan lagi keberkesanan pembudayaan perpaduan dalam persekitaran masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.



# PRAKATA
# KETUA PENGARAH
# JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

## DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI

Pelaksanaan Program Kelab Rukun Negara melalui aktiviti di sekolah berupaya membentuk kemenjadian generasi masa depan yang berjiwa patriotik terhadap negara. Buku Panduan ini akan menjadi asas bagi penyampaian program dalam kalangan pelajar untuk menghayati prinsip Rukun Negara. Program Kelab Rukun Negara di sekolah menitikberatkan aspek pengukuhan 4P iaitu Pengetahuan, Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan berteraskan prinsip Rukun Negara. Matlamat utama pelaksanaan program Kelab Rukun Negara adalah untuk mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Buku Panduan ini terdiri daripada empat (4) dimensi iaitu Dimensi Minda Cerdas, Dimensi Kepimpinan, Dimensi Komuniti dan Dimensi Inter Etnik yang merangkumi 40 program. Adalah diharapkan pelaksanaan program-program melalui Kelab Rukun Negara dapat mengukuhkan dan menyegarkan semangat patriotisme, perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan pelajar.





# LAGU NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

# LAGU LIMA PRINSIP RUKUN NEGARA

Lima Prinsip Rukun Negara
Lima Prinsip Rukun Negara
Harus Menjadi Cara Hidup Kita
Bukan Sekadar Ikrar Sahaja
Sekali Sekala Dibaca Semata
Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

**Chorus:**
Amalkanlah Rukun Negara
Dalam Hidup Harian Kita
Tanpa Mengira Tua Muda
Mengekalkan Warisan Kita
Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa
Lima Prinsip Rukun Negara

**Ikrar:**
Kepercayaan Kepada Tuhan
Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan Dan Kesusilaan
Itulah Lima Prinsip Rukun Negara

*Lagu Ciptaan : Dato' Wah Idris*
*Lirik Oleh : Dato' Cosmas J.Abah*
*Dato' Azman Amin Hassan*




**"Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan keluarga kita iaitu Keluarga Malaysia."**

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-SEMBILAN

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**BUKU PANDUAN**
**KELAB RUKUN NEGARA (KRN)**

## DEFINISI

Buku panduan komprehensif berasaskan penghayatan Rukun Negara melalui pelaksanaan program kokurikulum di sekolah menengah.

## MATLAMAT

Memperkukuhkan peranan Rukun Negara dalam pelaksanaan program yang memberi impak yang tinggi dalam kalangan murid.

Berteraskan kepada pengukuhan **4P** Rukun Negara

**P**engetahuan
**P**emahaman
**P**enghayatan
**P**engamalan

### PERLEMBAGAAN KELAB RUKUN NEGARA

**17**
Peraturan

### JUMLAH PROGRAM

**40**
Program

### DIMENSI PROGRAM

**4** Dimensi

| | |
|---|---|
| Minda Cerdas | 10 Program |
| Kepimpinan | 10 Program |
| Komuniti | 10 Program |
| Inter Etnik | 10 Program |

## PERANAN KELAB RUKUN NEGARA

Sebagai tapak integrasi perpaduan yang dapat meningkatkan interaksi sosial merentasi etnik, agama dan kelas sosial di peringkat sekolah.

Murid akan didedahkan mengenai prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program yang dilaksanakan agar dapat memahami dan menghayati setiap prinsip Rukun Negara serta dijadikan budaya hidup seharian.

# BUKU PANDUAN KELAB RUKUN NEGARA ADALAH SELARI DENGAN ASPIRASI DAN STRATEGI:

- DASAR PERPADUAN NEGARA
- RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030
- PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030
- KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021 - 2025










Berteraskan












**TERAS 1 : PATRIOTISME DAN DEMOKRASI**

**Strategi 1 :** Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

**Strategi 2 :** Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia

**Strategi 3 :** Memperkukuh integrasi nasional

**Teras Strategik 1 :** Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan

**Teras Strategik 2 :** Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan

**Dimensi KARIB:**
Membina Keakraban Demi Perpaduan Keluarga Malaysia

**TERAS 2 : IDENTITI NASIONAL**

**Strategi 5**: Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik

**Strategi 6**: Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia

**Teras Strategik 4:** Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan

**Dimensi MAJMUK:**
Meraikan Kepelbagaian Dalam Keluarga Malaysia

**TERAS 3 : EKOSISTEM PERPADUAN**

**Strategi 8**: Mengukuh tapak integrasi perpaduan

**Strategi 9**: Memperkasa jentera perpaduan melalui kerjasama strategik

**Terak Strategik 5:** Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi

**Dimensi AKSESBILITI:**
Meningkatkan Kebolehcapaian Perpaduan Keluarga Malaysia

**Dimensi INKLUSIVITI:**
Membudayakan Inklusiviti Keluarga Malaysia



**Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IV Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin telah mengisytiharkan Rukun Negara bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-13**





# PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

# SEJARAH PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

Malaysia adalah negara yang bersifat pluralistik di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Sejak kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957, keharmonian yang kita kecapi adalah manifestasi permuafakatan terbaik dan sifat tolak ansur yang diamalkan oleh rakyat. Walau bagaimanapun cabaran kepelbagaian kaum ini telah mencetuskan insiden negatif pada 1969 ekoran ketidaksefahaman dalam kalangan rakyat.

Pengisytiharan Darurat adalah tindakan segera yang dilaksanakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Parlimen digantung pada 16 Mei 1969 dan pentadbiran negara diambil alih oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak. MAGERAN telah diamanahkan dan diberi kuasa untuk mengembalikan semula keamanan negara, ketenteraman awam dan menjamin kesejahteraan rakyat. Majlis ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran negara dapat kembali berjalan lancar.

Pada 1 Julai 1969, Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan untuk memikir dan menjadi peneraju idea dan tindakan praktikal membina perpaduan khususnya melalui penubuhan Majlis Muhibah dan Pejabat Muhibah di peringkat pusat, negeri, daerah dan kawasan, berasaskan Peraturan-Peraturan Perlu (Majlis-Majlis Muhibah) 1969 yang telah diwartakan pada 18 Julai 1969. MAGERAN kemudiannya menerbitkan laporan tragedi 13 Mei pada 9 Oktober 1969 yang menyebut punca rusuhan disebabkan ketidakfahaman yang berlaku antara kaum.






Majlis Perundingan Negara kemudiannya ditubuhkan pada 29 Januari 1970 untuk meneliti isu-isu perpaduan dan mencari jalan penyelesaian masalah antara kaum. Melalui gerak kerja kedua-dua badan yang mempunyai hubungan langsung dengan MAGERAN, iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara, beberapa dasar dibentuk untuk mengembalikan perpaduan iaitu Akta Hasutan, Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Walaupun Dasar Ekonomi Baru adalah dasar ekonomi, namun perpaduan negara diletakkan sebagai matlamat akhirnya.

Rukun Negara telah diisytiharkan dengan rasminya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 sempena Ulang tahun Kemerdekaan Ke-13. Rukun Negara diperkenalkan sebagai pengikat dan pembina perasaan dan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Segala program dan acara menyambut kemerdekaan pada tahun tersebut telah diisi dengan persembahan yang berteraskan Rukun Negara. Tema ‘muhibah’ dan ‘perpaduan’ dijadikan tema Hari Kemerdekaan dan dinamakan sebagai Hari Kebangsaan.

Tun Haji Abdul Razak Hussein menyifatkan Rukun Negara sebagai “piagam rakyat untuk menentukan haluan rakyat Malaysia untuk tahun-tahun mendatang ke arah mencapai visi sebagai masyarakat moden dan progresif yang sebenarnya, dan menjadi inspirasi setiap rakyat untuk berusaha mencapainya.” Falsafah dan ideologi negara yang dihasilkan ini adalah sumbangan pemimpin dan rakyat terdahulu yang tidak ternilai harganya. Oleh itu, Rukun Negara sepatutnya dihayati dalam erti sebenar ketika ia dihasilkan. Sungguhpun, budaya membaca Rukun Negara di perhimpunan sekolah rendah dan menengah, serta majlis sambutan Hari Kebangsaan di pusat pengajian tinggi, jabatan, agensi dan kementerian kerajaan masih berterusan pelaksanaannya, namun penekanan hanya diberikan kepada prinsipnya sahaja.

Pada 23 Februari 1971, Kerajaan Berparlimen berfungsi semula dan sejak itu Rukun Negara terus kekal sebagai panduan dan tonggak kepada segala perancangan negara. Maka telah tiba masanya, Rukun Negara dikembalikan semula sifat sebenarnya berdasarkan konsep asal penghasilannya iaitu mencapai OBJEKTIF yang dihasratkan melalui PRINSIP sebagai alat untuk mencapainya. Oleh itu, PENGHAYATAN SEBENAR kepada RUKUN NEGARA memerlukan gandingan pemahaman menyeluruh keduanya.



# GARIS MASA PENGISYTIHARAN RUKUN NEGARA

## 31 OGOS 1957

KEMERDEKAAN NEGARA



## 13 MEI 1969

INSIDEN NEGATIF (KETIDAKSEFAHAMAN DALAM KALANGAN RAKYAT)

## 15 MEI 1969

PENGISYTIHARAN DARURAT OLEH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN AGONG

## 16 MEI 1969

- PARLIMEN DIGANTUNG
- PENTADBIRAN NEGARA DIAMBIL ALIH OLEH MAGERAN: UNTUK MEMASTIKAN DAN MENGEMBALIKAN SEMULA KEAMANAN NEGARA DAN PENTADBIRAN NEGARA KEMBALI BERJALAN LANCAR.

## 1 JULAI 1969

JABATAN PERPADUAN NEGARA DITUBUHKAN : UNTUK MENERAJUI USAHA PERPADUAN RAKYAT.




## 29 JANUARI 1970

PENUBUHAN MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA : BERFUNGSI MENELITI ISU-ISU PERPADUAN DAN MENCARI JALAN PENYELESAIAN MASALAH ANTARA KAUM.

## 23 FEBRUARI 1970

- KERAJAAN BERPARLIMEN BERFUNGSI SEMULA.
- RUKUN NEGARA PANDUAN & TONGGAK PENTADBIRAN NEGARA.

## 31 OGOS 1970

RUKUN NEGARA TELAH DIISYTIHARKAN.

# RUKUN NEGARA

**BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA**

**MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:**

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil dimana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



**“Hanya menerusi perpaduan, kesepakatan dan kebersamaan yang erat bagaikan sebuah "Keluarga Malaysia" sahajalah, kita akan dapat mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan yang bakal ditempuh.”**

...petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen ke-14





# RUKUN NEGARA DI SEKOLAH

# MATLAMAT PELAKSANAAN PROGRAM KELAB RUKUN NEGARA



KRN yang diwujudkan di sekolah-sekolah melaksanakan pelbagai program yang berteraskan kepada pengukuhan **pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P)** Rukun Negara di kalangan murid.



Matlamat utama pelaksanaan program KRN adalah untuk mengukuhkan **semangat perpaduan** dan **integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum**. Bagi mencapai matlamat ini, program Kelab Rukun Negara dirangka dan dilaksanakan berlandaskan kepada lima prinsip Rukun Negara iaitu:




Jawatankuasa KRN yang ditubuhkan di sekolah juga digalakkan untuk melaksanakan program yang menjurus kepada peningkatan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara serta pengukuhan semangat patriotisme, perpaduan dan integrasi nasional di kalangan murid.

## PENERAPAN PRINSIP RUKUN NEGARA MELALUI PROGRAM KELAB RUKUN NEGARA

### PRINSIP RUKUN NEGARA

#### KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

- Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan Malaysia;
- Patuh dan taat setia kepada ajaran agama masing-masing;
- Mempunyai budi pekerti mulia dan nilai-nilai positif; dan
- Menentukan hala tuju dalam kehidupan seharian

#### NILAI –NILAI POSITIF

- Keyakinan
- Kebenaran
- Kejujuran
- Berdisiplin
- Prihatin

### PRINSIP RUKUN NEGARA

#### KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

- Yang di-Pertuan Agong lambang perpaduan negara;
- Menumpukan taat setia, jujur dan ikhlas kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara;
- Menumpukan taat setia, jujur dan ikhlas kepada Raja dan Yang di-Pertua Negeri.
- Memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara; dan
- Menyemai semangat kebanggaan dalam diri untuk negara.

#### NILAI –NILAI POSITIF

- Patriotisme
- Kebanggaan
- Pengorbanan
- Kewajipan
- Kasih-sayang

PRINSIP RUKUN NEGARA

## KELUHURAN PERLEMBAGAAN

- Menerima, mematuhi, menjunjung serta mempertahankan keluhuran Perlembagaan Negara;
- Mempunyai sikap tanggungjawab dan kewajipan tertentu terhadap kaum lain dan negara;
- Meningkatkan pemahaman terhadap kebersamaan dan kesaksamaan dalam kalangan murid; dan
- Semangat mempertahankan perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

### NILAI –NILAI POSITIF

- Hormat
- Kesetiaan
- Tanggungjawab
- Keberanian

PRINSIP RUKUN NEGARA

## KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

- Pematuhan undang-undang akan mewujudkan masyarakat stabil dan makmur;
- Membudayakan pematuhan undang-undang dalam kehidupan seharian;
- Aspirasi untuk mematuhi undang-undang dalam kalangan murid; dan
- Mempertahankan ekosistem pematuhan undang-undang dalam masyarakat.

### NILAI –NILAI POSITIF

- Akur
- Tanggungjawab
- Integriti
- Patuh

PRINSIP RUKUN NEGARA

## KESOPANAN DAN KESUSILAAN

- Menerima dan menghormati kepelbagaian adat resam dan budaya kaum lain;
- Pengamalan adab sopan dan tatasusila yang mulia dalam membentuk individu yang berdisiplin dan bermoral tinggi; dan
- Menggalakkan semangat kesukarelawan di kalangan masyarakat.

### NILAI –NILAI POSITIF

- Kasih-sayang
- Keamanan
- Jujur
- Beretika
- Kerjasama



...petikan kata-kata Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Malaysia Pertama

**“Semangat Kebangsaan hendaklah dijadikan baja bagi menyuburkan kemerdekaan yang kita capai. Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, untuk mendapatkannya memerluan pengorbanan yang sebenar bukan sahaja berkorban wang ringgit dan usaha tenaga bahkan jiwa kita sendiri juga.“**





# KELAB RUKUN NEGARA

# SEJARAH PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA



## 16 NOVEMBER 2000

**Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.17/2000 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Kementerian Pendidikan Malaysia meminta semua sekolah menengah menubuhkan KRN manakala sekolah rendah adalah digalakkan.

## 11 OGOS 2004

**Mesyuarat Jemaah Menteri**

Penubuhan Kelab Rukun Negara akan diperluaskan di sekolah-sekolah dan Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. JPNIN akan berkerjasama erat dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi tujuan tersebut.

SEJARAH PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

## 8 MAC 2005

**Majlis Pelancaran Penubuhan Kelab Rukun Negara Peringkat Kebangsaan**

Dewan Suarah, Kuching, Sarawak

**APA ITU KELAB RUKUN NEGARA?**

"Pertubuhan di **Sekolah Menengah** yang menggerakkan aktiviti-aktiviti ke arah pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara dalam kalangan murid."

**VISI KELAB RUKUN NEGARA**

Melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi serta berkeperibadian tinggi sebagai peneraju masa hadapan negara dalam mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

**MISI KELAB RUKUN NEGARA**

Memupuk semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan murid serta membentuk hala tuju murid agar selari dengan aspirasi kerajaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

# OBJEKTIF PENUBUHAN KRN

1. Memperkenalkan dan memastikan murid memahami objektif dan lima prinsip Rukun Negara
2. Menggalakkan penglibatan murid secara menyeluruh yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum dan agama
3. Membentuk nilai-nilai perpaduan dalam kalangan murid supaya dapat mengekalkan perpaduan kaum serta integrasi nasional bermula di peringkat sekolah

# KELAB RUKUN NEGARA MENGIKUT KUMPULAN SEKOLAH






# LOGO RASMI KELAB RUKUN NEGARA

KELAB RUKUN NEGARA

# PENERANGAN LOGO KELAB RUKUN NEGARA



**Warna Merah**

Melambangkan keberanian dan kesediaaan dalam mengharungi segala jenis cabaran demi negara yang tercinta.



**Warna Biru**

Melambangkan perpaduan yang terdiri daripada berbilang kaum dan bersatu padu.



**Warna Kuning**

Melambangkan kedaulatan Raja berperlembagaan.



**Warna Putih**

Melambangkan kesucian, kesungguhan dan keluhuran hati dalam mengangkat nama negara ke persada dunia.



**Bulan dan Bintang**

Melambangkan Islam merupakan agama rasmi Persekutuan namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram.



**Tangan**

Menggambarkan murid yang sedia bekerjasama dengan pelbagai kaum, agama dan adat resam serta budaya.



**Hati**

Menggambarkan murid yang sentiasa prihatin tanpa mengira kaum dan agama.



...petikan kata-kata Tun Haji Abdul Razak Hussein
Perdana Menteri Malaysia Kedua

**"Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari pelbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu."**





# PENGURUSAN & PENTADBIRAN KELAB RUKUN NEGARA

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

## Kementerian Perpaduan Negara

- Penyediaan Garis Panduan Kelab Rukun Negara
- Permohonan Kebenaran untuk melaksanakan Program Kelab Rukun Negara di sekolah
- Cadangan Program Kelab Rukun Negara Peringkat Kebangsaan
- Penyediaan Bahan Promosi
- Penyediaan Peruntukan Kewangan
- Penyelaras Bersama bagi Laporan Kelab Rukun Negara keseluruhan

## Kementerian Pendidikan Malaysia

- Penyediaan Garis Panduan Kelab Rukun Negara
- Pemberian Kelulusan/Kebenaran untuk Program Kelab Rukun Negara di sekolah
- Cadangan Program Kelab Rukun Negara Peringkat Kebangsaan
- Penyediaan Bahan Promosi
- Penyediaan Peruntukan Kewangan
- Penyelaras Bersama bagi Laporan Kelab Rukun Negara keseluruhan

## Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri

- Agihan Peruntukan Kewangan
- Cadangan dan Pelaksanaan Program Kelab Rukun Negara Peringkat Negeri
- Pemantauan Operasi Kelab Rukun Negara
- Kepegawaian / Fasilitator
- Pelaporan Penubuhan, Program dan Mesyuarat Kelab Rukun Negara ke Ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Kementerian Pendidikan Malaysia

## Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah/ Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian

- Penyelarasan Maklumat dan Arahan
- Cadangan dan Pelaksanaan Program Kelab Rukun Negara Peringkat Daerah/ Bahagian
- Pemantauan Operasi Kelab Rukun Negara
- Pelaporan Penubuhan, Program dan Mesyuarat Kelab Rukun Negara ke Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri

## Sekolah

- Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Pelaksanaan Program dan Mesyuarat Kelab Rukun Negara peringkat sekolah
- Pelaporan Aktviti dan Mesyuarat Kelab Rukun Negara ke Pejabat Pendidikan dan Pejabat Perpaduan Daerah/ Bahagian
- Pemantauan Operasi KRN Oleh Pengetua/Guru Besar
- Laporan Kewangan

# PROSEDUR PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA



**1** Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan pelawaan kepada semua sekolah kerajaan/swasta untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara KRN pada awal tahun dan disalinkan kepada Kementerian Perpaduan Negara

**2** Pelantikan Jawatankuasa Penaja dilaksanakan oleh Pengetua/Guru Besar di peringkat sekolah.

**3** Jawatankuasa Penaja mengemukakan borang permohonan penubuhan KRN (Lampiran **KRN-01**) kepada Pengetua/Guru Besar dengan berpandukan kepada format perlembagaan yang ditetapkan.

**4** Setelah permohonan diluluskan melalui sijil yang dikeluarkan seperti Lampiran **KRN-02**, Jawatankuasa Penaja mengadakan Mesyuarat Agung untuk menubuhkan KRN dan pemilihan AJK. Jawatankuasa Penaja dibubarkan setelah terbentuk Jawatankuasa KRN.

**5** Jawatankuasa KRN perlu mengemukakan secara bertulis dalam tempoh 14 hari kepada Pengetua/Guru Besar laporan-laporan berikut:

- Borang Permohonan Penubuhan KRN (Lampiran KRN-01)
- Sijil Penubuhan KRN (Lampiran **KRN-02**)
- Peraturan KRN (Lampiran **KRN-03**)
- Senarai Ahli Jawatankuasa KRN (Lampiran **KRN-04**)
- Senarai Keahlian KRN (Lampiran **KRN-05**)
- Minit Mesyuarat Agung KRN (Lampiran **KRN-06**)
- Minit Mesyuarat KRN (Lampiran **KRN-07**)
- Perancangan Program Tahunan KRN (Lampiran **KRN-08**)
- Laporan Pelaksanaan Program KRN (Lampiran **KRN-09**)
- Buku Tunai KRN (Lampiran **KRN-10**)
- Penyata Perbelanjaan Bulanan KRN (Lampiran **KRN-11**)
- Laporan Kewangan Tahunan KRN (Lampiran **KRN-12**)

**6** Pengetua/Guru Besar memaklumkan penubuhan KRN kepada Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian.

*Penubuhan KRN adalah **digalakkan** kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah

# PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAB RUKUN NEGARA



## JAWATANKUASA TEKNIKAL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

### Anggota Jawatankuasa

**Pengerusi:**

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

**Ahli:**

Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia

Wakil Kementerian Pengajian Tinggi

Wakil Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia

**Urus Setia:**

Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

## JAWATANKUASA PELAKSANA KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT NEGERI

### Anggota Jawatankuasa

**Pengerusi Bersama :**

Pengarah Pendidikan Negeri / Pengarah Perpaduan Negeri

**Setiausaha :**

Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri / Timbalan Pengarah Perpaduan, JPNIN

**Ahli :**

Pegawai Pendidikan Daerah dan Pegawai Perpaduan Daerah

## JAWATANKUASA PENYELARAS KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT DAERAH / BAHAGIAN

### Anggota Jawatankuasa

**Pengerusi Bersama :**

Pegawai Pendidikan Daerah / Pegawai Perpaduan Daerah

**Setiausaha :**

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Pembangunan Bakat Murid, / Penolong Pegawai Perpaduan, JPNIN

**Ahli :**

Pengetua / Guru Besar (yang dilantik)

## JAWATANKUASA KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH

### Anggota Jawatankuasa

**Penaung** : Pengetua / Guru Besar

**Penasihat** : Penolong Kanan Kokurikulum

**Penyelaras** : Guru Penasihat Kelab

**Pengerusi** : Murid

**Ahli** : Murid

# TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KELAB RUKUN NEGARA



## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

- Membangunkan atau menambahbaik Elemen Pendidikan Rukun Negara di semua peringkat pendidikan dari Prasekolah sehingga Institut pengajian Tinggi.
- Mengemukakan syor – syor untuk mengukuhkan pelaksanaan kokurikulum di Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
- Melaksanakan strategi komunikasi bersama dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PELAKSANA KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT NEGERI

- Menyelaras pelaksanaan program Kelab Rukun Negara di peringkat negeri.
- Mengemukakan syor – syor untuk mengukuhkan pelaksanaan program KRN.
- Melaksanakan strategi komunikasi bersama dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENYELARAS KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT DAERAH/BAHAGIAN

- Menyelaras pelaksanaan program Kelab Rukun Negara di peringkat Daerah/Bahagian.
- Mengemukakan syor – syor untuk mengukuhkan dan memantau pelaksanaan program KRN.
- Melaksanakan strategi komunikasi bersama dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.

## TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KELAB RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH

- Menyelaras pelaksanaan program Kelab Rukun Negara peringkat sekolah.
- Meluluskan pelaksanaan program-program Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah.
- Memastikan program-program KRN yang dilaksanakan berimpak tinggi dan relevan dengan aspek kenegaraan.
- Melaksanakan tindakan dalam mempromosikan dan membuat hebahan melalui pelbagai platform media komunikasi.



# PENGURUSAN MESYUARAT KELAB RUKUN NEGARA DI PERINGKAT SEKOLAH



Mesyuarat adalah satu platform komunikasi dua hala di antara ahli-ahli KRN bagi membincangkan hala tuju Kelab Rukun Negara di sekolah masing-masing.

## AGENDA MESYUARAT

- Ucapan Pengerusi / Guru Penasihat
- Pengesahan Minit Mesyuarat
- Perkara-Perkara Berbangkit dan Maklum Balas Mesyuarat
- Jawatankuasa Baharu / Lama
- Pembentangan Laporan Program, Kewangan, Pencapaian / prestasi KRN dan Keahlian
- Perancangan Program
- Hal-Hal Lain
- Penutup

## CONTOH FORMAT MINIT MESYUARAT

- Disediakan contoh format seperti di Lampiran **KRN-07**

## KEKERAPAN DAN KORUM MESYUARAT

- 3 kali Mesyuarat Pengurusan KRN (minimum)
- Kehadiran 2/3 dari jumlah Ahli Jawatankuasa

# PENGURUSAN KEWANGAN KELAB RUKUN NEGARA



1. Peruntukan Kementerian Perpaduan Negara
2. Peruntukan Pentadbiran Sekolah (peruntukan kokurikulum sedia ada)
3. Peruntukan Kerajaan Negeri
4. Perkongsian pintar dengan Agensi-Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Sektor Korporat dan Swasta
5. Sumbangan Individu
6. Projek Ekonomi Kelab Rukun Negara
7. Sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah
8. Penganjuran program

**FORMAT LAPORAN KEWANGAN**

Contoh Format Laporan Kewangan adalah seperti di Lampiran **KRN-10**, **KRN-11**, dan **KRN-12** yang disediakan secara bulanan dan tahunan.





...petikan kata-kata Tun Hussein Onn
Perdana Menteri Malaysia Ketiga

**"Tidak ada makna kekayaan, kemajuan dan kemakmuran jika rakyat berpecah belah dan bergaduh sesama sendiri"**





# PERATURAN KELAB RUKUN NEGARA

# PERATURAN KELAB RUKUN NEGARA



SEKOLAH ..................................................................................................

**PERATURAN 1 : NAMA DAN ALAMAT KELAB**

1.1 Nama Kelab : Kelab Rukun Negara diikuti dengan nama sekolah masing-masing

1.2 Alamat Sekolah : ..........................................................................
..........................................................................
..........................................................................

**PERATURAN 2 : MATLAMAT**

Memberi peluang kepada setiap murid untuk mengembangkan potensi secara menyeluruh dalam aspek kenegaraan.

**PERATURAN 3 : OBJEKTIF**

3.1 Memperkenalkan dan memastikan murid memahami objektif dan Lima Prinsip Rukun Negara.

3.2 Menggalakkan penglibatan murid secara menyeluruh yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

3.3 Membentuk nilai-nilai perpaduan dalam kalangan murid supaya dapat mengekalkan perpaduan kaum serta integrasi nasional bermula peringkat sekolah.

## PERATURAN 4 : KEAHLIAN

4.1 Dibuka kepada semua murid sekolah ini.

4.2 Permohonan menjadi ahli adalah dengan cara mengisi borang yang disediakan.

4.3 Keahlian mestilah terdiri daripada pelbagai kaum dan tidak dipelopori oleh satu kaum sahaja kecuali sekolah-sekolah yang murid-muridnya terdiri daripada satu kaum sahaja.

4.4 Saling hormat-menghormati di antara satu sama yang lain sama ada dalam kelab mahupun di mana-mana sahaja dan dalam apa jua keadaan.

4.5 Setiap ahli dilarang mempengaruhi ahli atau orang lain membuat propaganda yang boleh memecah-belahkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

4.6 Setiap ahli dilarang mengamalkan diskriminasi antara kaum dan seterusnya memantau agar amalan tersebut tidak diamalkan.

4.7 Setiap ahli dilarang menyentuh atau membicarakan secara terbuka perkara yang sensitif berkaitan dengan kaum lain.

4.8 Berusaha ke arah memelihara semangat perpaduan sehingga menjadi satu budaya di kalangan rakyat Malaysia.

4.9 Ahli-ahli mestilah menerima serta bersetuju berpegang kepada Perlembagaan dan akan mengambil bahagian dengan aktif bagi menjayakan tujuan kelab ini.

## PERATURAN 5 : GURU PENASIHAT

5.1 Guru Penasihat adalah terdiri daripada guru sekolah tersebut.

5.2 Guru Penasihat hendaklah memberi nasihat dalam hala tuju kelab, perancangan dan pelaksanaan sesuatu program.

5.3 Guru Penasihat hendaklah sentiasa bersama dengan ahli-ahli semasa program dijalankan.

## PERATURAN 6 : AHLI JAWATAN KUASA

6.1 Ahli Jawatankuasa Kelab hendaklah terdiri:-

6.1.1 Penaung (Pengetua/Guru Besar)
6.1.2 Penasihat (Penolong Kanan Kokurikulum)
6.1.3 Penyelaras (Guru Penasihat)
6.1.4 Pengerusi (Murid)
6.1.5 Timbalan Pengerusi (Murid)
6.1.6 Setiausaha (Murid)
6.1.7 Penolong Setiausaha (Murid)
6.1.8 Bendahari (Murid)
6.1.9 10 orang Ahli Jawatankuasa (Murid)
6.1.10 2 orang Juruaudit Dalam (Bukan Dari Kalangan Ahli Jawatankuasa)

6.2 Jawatan pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha dan bendahari adalah Jawatankuasa Eksekutif yang dilantik semasa Mesyuarat Agung.

6.3 Ahli yang hadir layak dicalonkan sebagai ahli jawatankuasa manakala ahli yang tidak dapat hadir tetapi menulis surat tunjuk sebab layak dicalonkan sebagai ahli jawatankuasa.

6.4 Pemilihan ahli jawatankuasa adalah secara undian.

6.5 Ahli jawatankuasa kecil boleh dilantik oleh Guru Penasihat tanpa mengadakan mesyuarat.

6.6 Juruaudit Dalam dilantik oleh Pengetua/Guru Besar.

6.7 Ahli Jawatankuasa yang hendak meletakkan jawatan hendaklah menghantar surat perletakan jawatan kepada Guru Penasihat.

## PERATURAN 7 : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

7.1 Pengerusi

- 7.1.1 Bertanggungjawab ke atas keseluruhan perjalanan kelab.
- 7.1.2 Mempengerusikan semua mesyuarat.
- 7.1.3 Menyusun dan merangka program kelab.
- 7.1.4 Menjalinkan hubungan dengan KRN di sekolah yang lain.
- 7.1.5 Berhubung dengan Pejabat Perpaduan/Pendidikan Daerah/Bahagian untuk mendapatkan bahan penerbitan dan sebagainya.
- 7.1.6 Meneliti catatan minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan diambil tindakan yang sewajarnya.
- 7.1.7 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

7.2 Timbalan Pengerusi

- 7.2.1 Bertanggungjawab kepada pengerusi.
- 7.2.2 Membantu pengerusi mentadbir kelab.
- 7.2.3 Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi.
- 7.2.4 Membantu pengerusi merancang program kelab.
- 7.2.5 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengerusi dari semasa ke semasa.

7.3 Setiausaha

- 7.3.1 Menguruskan surat menyurat.
- 7.3.2 Mencatat dan menandatangani minit mesyuarat/laporan kegiatan dan program.
- 7.3.3 Mencatat kehadiran ahli.
- 7.3.4 Menyimpan dan merekodkan dokumen yang berkaitan dengan kelab.
- 7.3.5 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengerusi dan timbalan pengerusi dari semasa ke semasa.

7.4 Penolong Setiausaha

7.4.1 Membantu setiausaha dalam menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan.
7.4.2 Menjalankan tugas setiausaha sewaktu ketiadaan setiausaha.
7.4.3 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengerusi dan timbalan pengerusi dari semasa ke semasa.

7.5 Bendahari

7.5.1 Bertanggungjawab menguruskan urusan kewangan kelab.
7.5.2 Menyimpan dan merekodkan segala urusan kewangan kelab.
7.5.3 Mengusahakan penjanaan sumber kewangan kelab.
7.5.4 Menyediakan Penyata Kewangan Bulanan dan Tahunan serta menandatanganinya.
7.5.5 Melaporkan kedudukan kewangan sekiranya diminta di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.
7.5.6 Menyediakan Laporan Kewangan untuk diaudit dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.
7.5.7 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengerusi dan timbalan pengerusi dari semasa ke semasa.

7.6 Ahli Jawatankuasa

7.6.1 Bertanggungjawab sepenuhnya kepada pengerusi dan timbalan pengerusi.
7.6.2 Membantu Jawatankuasa Eksekutif menjalankan urusan kelab.
7.6.3 Menghadiri mesyuarat kelab apabila dipanggil.
7.6.4 Membantu pengerusi menambah keahlian kelab.
7.6.5 Membantu pengerusi menjalankan program kelab.
7.6.6 Mempengerusikan biro sekiranya dilantik.
7.6.7 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengerusi dan timbalan pengerusi dari semasa ke semasa.

7.7 Juruaudit dalam memeriksa, menyemak serta mengesahkan penyata perbelanjaan kelab sekurang-kurangnya dua kali setahun.

## PERATURAN 8 : KEWANGAN

8.1 Akaun KRN di sekolah hendaklah di bawah kawalan Pengetua / Guru Besar.

8.2 Pengetua / Guru Besar hendaklah menyimpan penyata kewangan bagi tempoh tidak kurang dari enam bulan setelah berakhir tiap-tiap tahun kewangan untuk tujuan pemeriksaan dan pengauditan.

8.3 Sumber utama kewangan adalah melalui sumbangan yang diputuskan semasa Mesyuarat Agung.

8.4 Kelab juga boleh memperolehi sumber kewangan lain melalui projek ekonomi kelab, sumbangan dan penajaan luar.

8.5 Semua pungutan / penyimpanan boleh dimasukkan ke dalam Akaun (SUWA) sekolah sekiranya mendapat kebenaran daripada Pengetua / Guru Besar.

## PERATURAN 9 : KEHADIRAN/PENYERTAAN

9.1 Ahli kelab dikehendaki menghadiri semua program yang dijalankan oleh kelab sepanjang tahun.

9.2 Kegagalan berbuat demikian sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa surat tunjuk sebab akan menyebabkan markah penilaian kokurikulum akan dipotong.

## PERATURAN 10 : PROGRAM

10.1 Dijalankan seperti yang dirancang dalam mesyuarat agung atau mesyuarat ahli jawatankuasa berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

10.2 Sebarang pindaan program akan dibuat oleh Guru Penasihat dan diumumkan kepada ahli.

## PERATURAN 11 : MESYUARAT AGUNG

11.1 Mesyuarat Agung perlu diadakan sebelum **31 Mac setiap tahun**.

11.2 Agenda Mesyuarat Agung :
a) Pemilihan Ahli Jawatankuasa Kelab
b) Pembentangan Laporan Program Tahunan Kelab
c) Pembentangan Laporan Kewangan Tahunan Kelab
d) Menerima dan Meluluskan Usul dan Resolusi
e) Hal-Hal lain

## PERATURAN 12 : PERATURAN-PERATURAN

12.1 Peraturan sekolah adalah menjadi peraturan asas.

12.2 Peraturan khas yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh semua ahli.

12.3 Ahli-ahli yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib.

## PERATURAN 13 : TINDAKAN DISIPLIN

13.1 Diambil terhadap ahli yang melanggar perlembagaan kelab dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

13.2 Tindakan disiplin adalah mengikut cara berikut:

13.2.1 Amaran lisan
13.2.2 Amaran bertulis
13.2.3 Ahli yang tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil boleh membuat rayuan kepada Guru Penasihat kelab secara bertulis dan keputusan Guru Penasihat adalah muktamad.

## PERATURAN 14 : PINDAAN PERATURAN

14.1 Mana-mana bahagian dalam peraturan ini sah sehingga ia dipinda.

14.2 Jawatankuasa Induk KRN berhak membatal, meminda, menambah mana-mana perlembagaan pada bila-bila masa dan tanpa terikat dengan mana-mana pihak.

## PERATURAN 15 : PEMBUBARAN KELAB

15.1 Pengetua / Guru Besar diberi kuasa untuk membubarkan kelab jika didapati melanggar perlembagaan dan Falsafah Pendidikan Negara.

15.2 Salinan surat pembubaran perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Bahagian.

## PERATURAN 16 : HAL-HAL LAIN

16.1 Setiap ahli perlu mengetahui tanggungjawab sendiri terhadap program yang dijalankan.

16.2 Ahli-ahli hendaklah sentiasa peka dan mengikuti program dengan penuh minat.

## PERATURAN 17 : LOGO

Kelab hendaklah menggunapakai logo yang telah ditentukan.



...petikan kata-kata Tun Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia Kelima

**“Apabila Rukun Negara dicipta maka dengan sendirinya kelima-lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara itu diterima dan dipertahankan secara bersama oleh rakyat Malaysia. Dalam kata lain, kerana semua rakyat memiliki rukun yang sama, tidak ada sebab lagi sesiapa berasa tersisih kerana memikir pihak satu lagi yang lebih berhak dari yang lain.“**





# PELAKSANAAN PROGRAM KELAB RUKUN NEGARA

# DIMENSI PROGRAM KELAB RUKUN NEGARA



## 01 MINDA CERDAS

Program untuk membentuk generasi murid yang mempunyai literasi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi meningkatkan kesedaran serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

## 02 KEPIMPINAN

Program yang membentuk ciri-ciri kepimpinan melalui pembangunan dan pemantapan sahsiah serta keperibadian tinggi dalam diri murid bagi memperkukuh semangat patriotisme.

## 03 KOMUNITI

Program peningkatan interaksi sosial melalui kerjasama komuniti untuk mewujudkan ekosistem yang harmoni dalam masyarakat.

## 04 INTER ETNIK

Program pengukuhan kefahaman dan penerimaan murid terhadap pelbagai etnik, budaya, bahasa dan agama untuk memastikan kelestarian keharmonian dalam komuniti.



**Jumlah 40 program**

# DIMENSI MINDA CERDAS

Program untuk membentuk generasi murid yang mempunyai literasi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi meningkatkan kesedaran dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

1. Simfoni Uniti
2. Q-NITI
3. Ikrar Rukun Negara
4. Pidato Uniti
5. Pentas Perpaduan
6. D'Karya Perpaduan
7. Jejak Rukun Negara
8. Coretan Perpaduan
9. Sudut Rukun Negara
10. #VlogPerpaduan

# DIMENSI MINDA CERDAS

| PROGRAM 1 | Simfoni Uniti |
|---|---|
| OBJEKTIF PROGRAM | Menerap dan meningkatkan pengetahuan murid serta semangat cintakan negara berkaitan perpaduan dan kenegaraan melalui seni muzik. |
| MEKANISME PELAKSANAAN | 1. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan di bawah program ini adalah koir lagu patriotik, dikir barat, teater muzikal dan pementasan drama.<br>2. Konsep aktiviti adalah berbentuk pertandingan atau persembahan di pentas dan boleh dilaksanakan bersama ibu bapa/penjaga. |
| IMPAK PROGRAM | Murid dapat meningkatkan pengetahuannya berkaitan perpaduan dan kenegaraan melalui seni muzik dan dapat memperkukuhkan jati diri serta semangat cintakan negara. |

| PROGRAM 2 | Q-NITI |
|---|---|
| OBJEKTIF PROGRAM | 1. Menguji kepekaan murid mengenai pengetahuan kenegaraan dan kebudayaan masyarakat Malaysia.<br>2. Mempertingkatkan semangat daya saing secara positif bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan murid.<br>3. Meningkatkan literasi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dalam kalangan murid. |
| MEKANISME PELAKSANAAN | Kuiz atau permainan dilaksanakan secara fizikal atau dalam talian dengan menggalakkan penglibatan pelbagai kaum secara individu atau berkumpulan. |
| IMPAK PROGRAM | Murid dapat mendalami aspek kenegaraan dan kebudayaan Malaysia seterusnya dapat meningkatkan pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara. |

| PROGRAM 3 | Ikrar Rukun Negara |
|---|---|
| OBJEKTIF PROGRAM | 1. Memberi pengetahuan kepada murid tentang Prinsip Rukun Negara.<br>2. Meningkatkan penghayatan murid tentang falsafah serta prinsip-prinsip Rukun Negara. |
| MEKANISME PELAKSANAAN | 1. Ikrar Rukun Negara dilaksanakan di sekolah secara bulanan dengan pengisian berteraskan falsafah dan Prinsip Rukun Negara<br>2. Ikrar Rukun Negara perlu dijadikan pengisian dalam mana-mana program yang dilaksanakan di sekolah. |
| IMPAK PROGRAM | 1. Murid dapat melafazkan Ikrar Rukun Negara dengan lancar dan betul.<br>2. Murid dapat memahami dan menghayati falsafah serta prinsip-prinsip Rukun Negara. |

| PROGRAM 4 | Pidato Uniti |
|---|---|
